



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

MALAYSIA PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI OGOS 2025

Tarikh Sebaran: 19 September 2025
Masa Sebaran: Jam 1200

BAHAGIAN PERANGKAAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



PRESTASI PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, OGOS 2025


Prestasi dagangan Malaysia pada Ogos 2025 mencatatkan prestasi yang bercampur-campur di beberapa sektor utama. Nilai eksport mencatatkan RM131.6 bilion, menunjukkan peningkatan sebanyak RM2.5 bilion atau 1.9 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Sebaliknya, import mengalami penyusutan kepada RM115.5 bilion, merosot sebanyak RM7.3 bilion atau 5.9 peratus secara tahunan. Jumlah dagangan keseluruhan menurun kepada RM247.1 bilion, berkurang sebanyak RM4.8 bilion atau 1.9 peratus berbanding Ogos 2024. Di samping itu, imbalan dagangan negara mencatat lebih sebanyak RM16.1 bilion, meningkat dengan ketara

sebanyak RM9.8 bilion atau 153.8 peratus secara tahunan.

Perbandingan secara bulanan menunjukkan penyusutan eksport, import dan jumlah dagangan masing-masing 6.0 peratus, 8.0 peratus dan 6.9 peratus. Namun, lebih dagangan mencatatkan kenaikan 10.4 peratus atau RM1.5 bilion.

Eksport, import, jumlah dagangan dan lebih dagangan bagi bulan Januari hingga Ogos 2025 masing-masing meningkat 3.9 peratus, 3.6 peratus, 3.8 peratus dan 7.4 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

Carta 1: Prestasi Perdagangan: Bulanan, Suku Tahunan & Tahunan



EKSPORT

Prestasi eksport Malaysia berkembang positif sebanyak 1.9 peratus kepada RM131.6 bilion pada Ogos 2025

Prestasi Eksport


Eksport Malaysia meningkat 1.9 peratus pada Ogos 2025, meningkat daripada RM129.1 bilion pada Ogos 2024 kepada RM131.6 bilion.

Perkembangan ini sejajar dengan peningkatan 22.6 peratus dalam eksport semula kepada RM28.0 bilion daripada RM22.8 bilion, yang merangkumi 21.2 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport. Namun begitu, eksport


domestik menyumbang 78.8 peratus daripada jumlah eksport, menurun 2.5 peratus kepada RM103.6 bilion.

Selain itu, perbandingan bulanan menunjukkan eksport berkurangan 6.0 peratus atau RM8.5 bilion. Analisis terma pelarasan musim bulan ke bulan, eksport mencatatkan penurunan 6.3 peratus kepada RM131.4 bilion.

Carta 2: Eksport Domestik, Eksport Semula (RM bilion) dan Perubahan Tahunan (%)



Carta 3: Nilai Eksport Asal dan Nilai Eksport Pelarasan Musim, RM bilion



Prestasi Eksport mengikut Negara Destinasi Utama


Singapura dan China merupakan negara destinasi utama dengan sumbangan 27.8 peratus kepada jumlah eksport Malaysia pada Ogos 2025.

Singapura terus mendominasi sebagai negara destinasi utama dengan sumbangan 14.7 peratus kepada jumlah eksport. Eksport ke Singapura bernilai RM19.4 bilion, meningkat 2.7 peratus atau RM509.8 juta berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh eksport yang lebih tinggi bagi barangan elektrik dan elektronik (+RM952.0 juta, +10.9%) serta jentera, kelengkapan dan alat ganti (+RM255.2 juta, +15.2%).

Sementara itu, nilai eksport ke China yang merangkumi 13.1 peratus daripada jumlah eksport mencatatkan RM17.2 bilion, naik RM1.6 bilion atau 10.4 peratus. Peningkatan ini disokong oleh eksport yang lebih tinggi bagi barangan elektrik & elektronik (+RM580.5 juta, +10.2%) dan bijih logam & serpihan logam (+RM498.1 juta, +106.7%).

Daripada sepuluh negara utama destinasi, eksport mencatatkan pertumbuhan positif ke Singapura, China, Kesatuan Eropah, Taiwan, Thailand, Viet Nam dan Australia. Manakala, Amerika Syarikat, Hong Kong dan Jepun mencatatkan penurunan pada Ogos 2025.

Carta 4: Perubahan Tahunan Eksport bagi Negara Destinasi Utama, Ogos 2024 dan Ogos 2025



Eksport ke Negara ASEAN


Eksport Malaysia ke negara-negara ASEAN menyumbang 28.4 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport, bernilai RM37.4 bilion, mencatatkan peningkatan 3.8 peratus.

Perkembangan ini dipengaruhi terutamanya oleh eksport yang lebih tinggi bagi barangan elektrik & elektronik (+RM2.6 bilion, +20.7%), diikuti oleh kelengkapan optik & saintifik

(+RM216.1 juta, +23.1%) dan barangan perkilangan lain (+RM191.9 juta, +22.1%).

Singapura mendahului di kalangan negara anggota ASEAN dalam eksport keseluruhan, menyumbang 51.9 peratus dengan nilai RM19.4 bilion, melonjak 2.7 peratus berbanding pada tahun sebelumnya.

Carta 5: Peratusan Sumbangan Eksport ke Negara ASEAN, Ogos 2025



Prestasi Eksport mengikut Sektor Ekonomi


Eksport barangan perkilangan mencatatkan pertambahan 1.7 peratus (+RM1.9 bilion), merangkumi 86.5 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport. Punca utama kepada pertumbuhan positif ini adalah bagi barangan elektrik dan elektronik (+RM5.1 bilion, +10.1%), jentera, kelengkapan dan alat ganti (+RM871.7 juta, +14.5%), serta barangan optik dan saintifik (+RM778.7 juta, +14.7%).

Eksport barangan pertanian naik 4.5 peratus kepada RM9.5 bilion, merangkumi 7.3 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport. Peningkatan ini sejajar dengan

kenaikan eksport minyak sawit & keluaran pertanian berasaskan minyak sawit (+RM650.0 juta, +9.7%) dan minyak sayuran lain (+RM36.1 juta, +11.9%).

Eksport barangan perlombongan, yang menyumbang 5.4 peratus daripada jumlah eksport, turun 2.4 peratus kepada RM7.1 bilion. Penurunan ini disebabkan oleh eksport yang lebih rendah bagi petroleum mentah (-RM496.4 juta, -28.8%), timah (-RM156.2 juta, -54.9%) dan gas asli cecair (-RM108.2 juta, -2.6%).

Paparan 1: Eksport mengikut Sektor, Ogos 2024 dan Ogos 2025



Eksport mengikut Produk Utama Terpilih

Prestasi eksport menyusut pada Ogos 2025, namun terdapat pertumbuhan positif dalam produk-produk berikut:

- Barangan elektrik & elektronik, yang merangkumi 42.2 peratus daripada jumlah eksport, meningkat 10.1 peratus, daripada RM50.4 bilion kepada RM55.5 bilion; dan
- Minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, merangkumi 8.2 peratus daripada jumlah eksport, naik 9.1 peratus atau RM97.7 juta selaras

dengan kenaikan eksport minyak sawit. Komoditi utama dalam kumpulan produk ini meningkat sebanyak RM183.9 juta atau 3.3 peratus, didorong oleh kenaikan harga minyak sawit tempatan sebanyak 10.7 peratus (RM4,329.0 bagi satu tan metrik) dan peningkatan nilai purata seunit sebanyak 3.7 peratus. Namun begitu, terdapat pengurangan dalam volum eksport sebanyak 0.4 peratus.

Namun begitu, penurunan dicatatkan dalam produk-produk berikut:

- Keluaran petroleum bertapis merangkumi 6.4 peratus daripada jumlah eksport menurun 16.9 peratus atau RM1.7 bilion kepada RM8.4 bilion;
- Gas asli cecair menyumbang 3.1 peratus daripada jumlah eksport, menurun RM108.2 juta atau 2.6 peratus kepada RM4.1 bilion. Selain itu, volum eksport meningkat sebanyak 21.0 peratus, manakala nilai purata seunit menurun sebanyak 19.5 peratus;
- Petroleum mentah merangkumi 0.9 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport, susut sebanyak RM496.4 juta atau 28.8 peratus kepada RM1.2 bilion. Penurunan ini sejajar dengan kejatuhan dalam volum eksport

(-2.5%) dan nilai purata seunit (-27.0%), selari dengan penurunan harga minyak mentah Brent kepada RM288.3 setong;

- Kayu & hasil keluaran kayu turun 5.2 peratus atau RM101.7 juta kepada RM1.8 bilion, merangkumi 1.4 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport; dan
- Getah asli menyumbang 0.2 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport, susut sebanyak 33.3 peratus atau RM152.6 juta kepada RM305.1 juta. Penurunan ini sejajar dengan pengurangan dalam volum eksport (-31.4%), kejatuhan nilai purata seunit sebanyak 2.8 peratus, serta penurunan harga getah SMR20 sebanyak 6.4 peratus.

Paparan 2: Eksport Produk Utama Terpilih, Ogos 2024 dan Ogos 2025

 42.2 peratus	 8.2 peratus	 6.4 peratus	 3.1 peratus	 0.9 peratus	 1.4 peratus	 0.2 peratus
Barangan Elektrik & Elektronik	Minyak Kelapa Sawit & Hasil Keluaran Berasaskan Minyak Kelapa Sawit	Keluaran Petroleum Bertapis	Gas Asli Cecair	Petroleum Mentah	Kayu & Hasil Keluaran Kayu	Getah Asli
RM bilion y-o-y (%)	RM bilion y-o-y (%)	RM bilion y-o-y (%)	RM bilion y-o-y (%)	RM bilion y-o-y (%)	RM bilion y-o-y (%)	RM bilion y-o-y (%)
55.5 +10.1	10.7 +9.1	8.4 -16.9	4.1 -2.6	1.2 -28.8	1.8 -5.2	0.3 -33.3
50.4 +16.4	9.8 +20.9	10.1 -12.6	4.2 -14.0	1.7 -33.4	1.9 -6.8	0.5 +24.6

Nota: Sumbangan Ogos 2025 Ogos 2024

IMPORT


Import susut sebanyak 5.9 peratus kepada RM115.5 bilion

Prestasi Import


Nilai import Malaysia susut 5.9 peratus atau RM7.3 bilion kepada RM115.5 bilion pada Ogos 2025. Secara bulanan, import mencatatkan penurunan 8.0 peratus atau RM10.0 bilion. Berdasarkan analisis terma pelarasan musim bulan ke bulan, import mencatatkan penurunan 7.5 peratus kepada RM111.7 bilion.

Import mengikut Penggunaan Akhir mencatatkan kenaikan dalam barangan modal (+11.0%) dari tahun ke tahun. Manakala barangan perantaraan dan barangan penggunaan masing-masing menurun sebanyak 16.8 peratus dan 8.9 peratus.

Carta 6: Import Nilai (RM bilion) dan Perubahan Tahunan (%)



Carta 7: Nilai Import Asal dan Nilai Import Pelarasan Musim, RM bilion



Prestasi Import mengikut Negara Asal Utama

China dan Taiwan merupakan dua negara utama asal import Malaysia pada Ogos 2025 menyumbang 34.9 peratus daripada jumlah import.


Import Malaysia dari China meningkat 4.0 peratus kepada RM27.5 bilion, merangkumi 23.8 peratus daripada jumlah keseluruhan import. Peningkatan ini didorong oleh keluaran petroleum yang mencatatkan lonjakan 68.9 peratus (+RM501.9 juta), diikuti oleh barangan perkilangan logam (+RM349.6 juta, +21.6%) dan kelengkapan pengangkutan (+RM271.3 juta, +23.7%).

Import dari Taiwan bernilai RM12.8 bilion, merangkumi 11.1 peratus daripada jumlah

import Malaysia, meningkat 27.1 peratus atau RM2.7 bilion berbanding tahun sebelumnya. Perkembangan ini didorong terutamanya oleh peningkatan import barangan elektrik & elektronik (+RM2.6 bilion, +30.7%) dan keluaran petroleum (+257.8 juta, +125.0%).

Import dari 10 negara asal utama menunjukkan peningkatan dari China, Taiwan, Republik Korea, Indonesia dan Viet Nam. Namun begitu, penurunan dicatatkan bagi Singapura, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Jepun dan Thailand berbanding tempoh yang sama pada tahun lalu.

Carta 8: Perubahan Tahunan Import bagi Negara Asal Utama, Ogos 2024 dan Ogos 2025




Import dari Negara ASEAN

Import dari negara-negara ASEAN menurun 5.5 peratus pada Ogos 2025, mencecah RM26.1 bilion dan merangkumi 22.6 peratus daripada jumlah keseluruhan import Malaysia. Penurunan ini didorong oleh pengurangan import hasil galian lain (-RM 541.3 juta, -41.8%), kimia dan bahan kimia (-RM473.7 juta, -22.9%).

Singapura kekal sebagai sumber import terbesar Malaysia dalam kalangan negara ASEAN, meskipun mencatatkan penurunan sebanyak 9.0 peratus (-RM1.2 bilion) berbanding tahun sebelumnya, dengan menyumbang 45.8 peratus daripada jumlah keseluruhan import.

Carta 9: Peratusan Sumbangan Import dari Negara ASEAN, Ogos 2025



Prestasi Import mengikut Sektor Ekonomi


Barangan pembuatan, yang merangkumi 86.8 peratus daripada jumlah import, jatuh 3.0 peratus dari RM103.3 bilion kepada RM100.2 bilion, tahun ke tahun. Prestasi ini didorong oleh penurunan import kimia dan bahan kimia (-RM1.6 bilion, -16.3%); keluaran petroleum (-RM790.6 juta, -8.7%); serta barangan perkilangan logam (+RM637.2 juta, -10.2%).

Import barangan pertanian (5.3% daripada jumlah import) menurun 20.3 peratus (-RM1.6 bilion) tahun ke tahun kepada RM6.1 bilion, didorong

oleh pengurangan import keluaran pertanian lain (-RM1.6 bilion, -28.1%), getah asli (-RM116.1 juta, -20.2%) dan minyak sayuran lain (-RM86.2 juta, -18.4%).

Import barangan perlombongan berjumlah RM7.4 bilion, susut 24.3 peratus berbanding tahun sebelumnya dan menyumbang 6.4 peratus daripada keseluruhan import Malaysia. Penurunan ini didorong oleh pengurangan import hasil galian lain (-RM871.2 juta, -42.6%) dan gas asli cecair (-RM807.2 juta, -83.8%).

Paparan 3: Import mengikut Sektor, Ogos 2024 dan Ogos 2025



Import mengikut Produk Utama Terpilih


Import menunjukkan kurang memberangsangkan pada Ogos 2025, dengan pertumbuhan positif dilihat dalam produk berikut:

- Jentera & kelengkapan khusus untuk industri tertentu & alat ganti, yang menyumbang 2.0 peratus daripada jumlah import, naik RM51.0 juta atau 2.2 peratus kepada RM2.3 bilion.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan negatif direkodkan bagi produk berikut:

- Barangan elektrik & elektronik merangkumi 37.1 peratus daripada jumlah import dan menurun 1.2 peratus atau RM505.0 juta kepada RM42.9 bilion;
- Keluaran petroleum bertapis menyumbang 6.8 peratus daripada jumlah import, menurun RM621.8 juta atau 7.3 peratus kepada RM7.9 bilion. Manakala, Nilai purata seunit mencatatkan penurunan 21.9 peratus; dan
- Import petroleum mentah jatuh 18.3 peratus atau RM802.3 juta kepada RM3.6 bilion, menyumbang 3.1 peratus daripada jumlah keseluruhan import. Penurunan ini sejajar dengan kejatuhan nilai purata seunit penurunan 22.7 peratus.

Paparan 4: Import Produk Utama Terpilih, Ogos 2024 dan Ogos 2025



Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum

Jumlah import pada Ogos 2025 bernilai RM115.5 bilion, mencatatkan penurunan sebanyak 5.9 peratus berbanding tahun sebelumnya. Tiga kategori utama import mengikut Penggunaan Akhir, yang merangkumi 73.9 peratus daripada jumlah import, ialah;


Barangan perantaraan, menyumbang RM60.2 bilion atau 52.2 peratus daripada jumlah import, jatuh 16.8 peratus. Kejatuhan ini disebabkan oleh pengurangan import alat ganti & aksesori barang modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan (-RM4.1 bilion, -15.1%) dan bekalan perindustrian, t.s.t.l., diproses (-RM4.0 bilion, -16.6%).

Barangan modal, meningkat 11.0 peratus kepada RM15.7 bilion (13.6 peratus daripada

jumlah import), didorong oleh peningkatan alat kelengkapan pengangkutan perindustrian 134.8 peratus kepada RM1.9 bilion.

Barangan penggunaan, menurun 8.9 peratus kepada RM9.4 bilion (8.2 peratus daripada jumlah import), disebabkan oleh penurunan makanan dan minuman, diproses, khusus untuk penggunaan isirumah (-RM395.3 juta, -11.6%).

Paparan 5: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum,
Ogos 2025



JADUAL STATISTIK

Jadual I : Eksport, Eksport Domestik, Import, Jumlah Dagangan dan Imbangan Dagangan

Tempoh	Nilai RM Juta					Perubahan Tahunan (%)				
	Eksport	Eksport Domestik	Import	Jumlah Dagangan	Imbangan Dagangan	Eksport	Eksport Domestik	Import	Jumlah Dagangan	Imbangan Dagangan
2020	983,827	799,197	800,481	1,784,308	183,345	(1.1)	(2.9)	(5.8)	(3.3)	25.9
2021	1,241,022	1,012,001	987,344	2,228,366	253,678	26.1	26.6	23.3	24.9	38.4
2022	1,550,009	1,222,034	1,293,811	2,843,821	256,198	24.9	20.8	31.0	27.6	1.0
2023	1,426,199	1,111,065	1,211,044	2,637,243	215,155	(8.0)	(9.1)	(6.4)	(7.3)	(16.0)
2024	1,507,683	1,214,227	1,370,842	2,878,526	136,841	5.7	9.3	13.2	9.1	(36.4)
2024 (JAN-AUG)	992,729	801,305	912,565	1,905,294	80,164	6.1	10.5	16.7	10.9	(47.9)
2025 (JAN-AUG)	1,031,687	806,917	945,617	1,977,304	86,070	3.9	0.7	3.6	3.8	7.4
2021										
ST1	344,290	282,220	280,656	624,946	63,634	18.2	18.1	10.1	14.5	64.3
ST2	392,348	310,278	332,992	725,340	59,356	44.0	45.9	33.3	39.0	122.5
ST3	420,094	319,467	355,128	775,222	64,966	15.7	15.5	21.0	18.0	(1.7)
ST4	393,277	310,069	325,035	718,312	68,243	29.4	29.9	29.6	29.5	28.7
2022										
ST1	344,290	282,220	280,656	624,946	63,634	21.8	22.0	25.5	23.4	7.7
ST2	392,348	310,278	332,992	725,340	59,356	29.3	24.8	34.8	31.8	5.4
ST3	420,094	319,467	355,128	775,222	64,966	38.5	31.3	46.5	42.0	6.6
ST4	393,277	310,069	325,035	718,312	68,243	11.9	7.3	18.5	14.8	(11.8)
2023										
ST1	355,092	276,446	291,680	646,772	63,413	3.1	(2.0)	3.9	3.5	(0.3)
ST2	348,623	267,560	292,800	641,423	55,823	(11.1)	(13.8)	(12.1)	(11.6)	(6.0)
ST3	356,280	277,863	297,245	653,525	59,035	(15.2)	(13.0)	(16.3)	(15.7)	(9.1)
ST4	366,203	289,195	329,319	695,521	36,884	(6.9)	(6.7)	1.3	(3.2)	(46.0)
2024										
ST1	362,794	291,018	328,199	690,993	34,594	2.2	5.3	12.5	6.8	(45.4)
ST2	369,338	298,561	336,911	706,248	32,427	5.9	11.6	15.1	10.1	(41.9)
ST3	384,227	311,724	358,245	742,473	25,982	7.8	12.2	20.5	13.6	(56.0)
ST4	392,932	314,757	346,882	739,814	46,050	7.3	8.8	5.3	6.4	24.9
2025										
ST1	378,359	304,338	337,315	715,674	41,045	4.3	4.6	2.8	3.6	18.6
ST2	381,667	295,882	367,372	749,039	14,294	3.3	(0.9)	9.0	6.1	(55.9)
2021										
JAN	89,677	72,209	73,058	162,734	16,619	6.4	6.2	1.1	4.0	38.0
FEB	87,804	71,714	69,680	157,484	18,124	17.7	10.6	12.1	15.2	45.7
MAC	105,228	87,382	80,867	186,095	24,361	31.2	38.8	17.6	24.9	112.0
APR	105,631	85,074	85,293	190,924	20,338	62.7	83.6	22.9	42.2	-
MEI	92,387	78,822	78,532	170,919	13,856	47.1	45.8	48.3	47.7	40.6
JUN	105,317	84,664	83,217	188,534	22,100	27.0	20.9	32.1	29.2	11.0
JUL	97,124	76,522	83,564	180,689	13,560	4.8	5.8	23.9	12.9	(46.3)
OGO	95,379	78,973	74,245	169,624	21,134	18.1	18.6	12.5	15.6	43.0
SEP	110,882	87,788	84,650	195,533	26,232	24.7	22.6	26.4	25.5	19.6
OKT	114,488	91,378	87,905	202,394	26,583	25.5	23.5	27.5	26.4	19.4
NOV	112,671	94,221	93,384	206,054	19,287	33.0	34.9	38.1	35.3	12.8
DIS	124,433	103,254	92,949	217,381	31,484	29.8	31.4	23.7	27.1	51.9
2022										
JAN	111,060	91,391	92,822	203,882	18,238	23.8	26.6	27.1	25.3	9.7
FEB	101,742	83,899	82,589	184,331	19,152	15.9	17.0	18.5	17.0	5.7
MAC	131,488	106,930	105,244	236,732	26,244	25.0	22.4	30.1	27.2	7.7
APR	127,483	103,416	104,107	231,590	23,375	20.7	21.6	22.1	21.3	14.9
MEI	120,590	96,241	107,791	228,381	12,798	30.5	22.1	37.3	33.6	(7.6)
JUN	144,275	110,622	121,094	265,369	23,182	37.0	30.7	45.5	40.8	4.9
JUL	134,326	102,359	118,487	252,812	15,839	38.3	33.8	41.8	39.9	16.8
OGO	141,519	106,661	124,231	265,750	17,288	48.4	35.1	67.3	56.7	(18.2)
SEP	144,250	110,446	112,410	256,660	31,839	30.1	25.8	32.8	31.3	21.4
OKT	131,977	101,552	113,518	245,495	18,459	15.3	11.1	29.1	21.3	(30.6)
NOV	129,694	103,513	107,890	237,584	21,804	15.1	9.9	15.5	15.3	13.0
DIS	131,606	105,004	103,626	235,232	27,980	5.8	1.7	11.5	8.2	(11.1)

Jadual I : Eksport, Eksport Domestik, Import, Jumlah Dagangan dan Imbangan Dagangan

Tempoh	Nilai RM Juta					Perubahan Tahunan (%)				
	Eksport	Eksport Domestik	Import	Jumlah Dagangan	Imbangan Dagangan	Eksport	Eksport Domestik	Import	Jumlah Dagangan	Imbangan Dagangan
2023										
JAN	112,666	86,053	94,508	207,174	18,157	1.4	(5.9)	1.8	1.6	(0.4)
FEB	112,682	87,854	92,703	205,385	19,979	10.8	4.7	12.2	11.4	4.3
MAC	129,745	102,539	104,469	234,213	25,276	(1.3)	(4.1)	(0.7)	(1.1)	(3.7)
APR	105,166	80,176	93,821	198,986	11,345	(17.5)	(22.5)	(9.9)	(14.1)	(51.5)
MEI	119,516	93,623	104,105	223,620	15,411	(0.9)	(2.7)	(3.4)	(2.1)	20.4
JUN	123,942	93,761	94,875	218,817	29,067	(14.1)	(15.2)	(21.7)	(17.5)	25.4
JUL	116,765	89,040	99,458	216,224	17,307	(13.1)	(13.0)	(16.1)	(14.5)	9.3
OGO	115,181	92,099	97,850	213,031	17,330	(18.6)	(13.7)	(21.2)	(19.8)	0.2
SEP	124,334	96,725	99,937	224,271	24,398	(13.8)	(12.4)	(11.1)	(12.6)	(23.4)
OKT	126,152	96,392	113,187	239,339	12,964	(4.4)	(5.1)	(0.3)	(2.5)	(29.8)
NOV	121,604	95,540	109,501	231,105	12,103	(6.2)	(7.7)	1.5	(2.7)	(44.5)
DIS	118,447	97,263	106,631	225,078	11,816	(10.0)	(7.4)	2.9	(4.3)	(57.8)
2024										
JAN	122,381	94,760	112,238	234,619	10,143	8.6	10.1	18.8	13.2	(44.1)
FEB	111,445	91,683	100,116	211,561	11,329	(1.1)	4.4	8.0	3.0	(43.3)
MAC	128,967	104,575	115,845	244,812	13,122	(0.6)	2.0	10.9	4.5	(48.1)
APR	115,155	92,181	107,088	222,243	8,067	9.5	15.0	14.1	11.7	(28.9)
MEI	128,100	105,866	118,083	246,182	10,017	7.2	13.1	13.4	10.1	(35.0)
JUN	126,083	100,513	111,740	237,824	14,343	1.7	7.2	17.8	8.7	(50.7)
JUL	131,503	105,427	124,716	256,219	6,788	12.6	18.4	25.4	18.5	(60.8)
OGO	129,094	106,299	122,740	251,834	6,354	12.1	15.4	25.4	18.2	(63.3)
SEP	123,630	99,997	110,790	234,420	12,840	(0.6)	3.4	10.9	4.5	(47.4)
OKT	128,224	99,528	116,269	244,493	11,954	1.6	3.3	2.7	2.2	(7.8)
NOV	126,105	104,903	111,270	237,374	14,835	3.7	9.8	1.6	2.7	22.6
DIS	138,603	110,327	119,343	257,946	19,260	17.0	13.4	11.9	14.6	63.0
2025										
JAN	122,814	97,546	119,155	241,969	3,659	0.4	2.9	6.2	3.1	(63.9)
FEB	118,242	96,899	105,625	223,867	12,617	6.1	5.7	5.5	5.8	11.4
MAR	137,304	109,894	112,535	249,838	24,769	6.5	5.1	(2.9)	2.1	88.8
APR	133,499	99,962	128,369	261,869	5,130	15.9	8.4	19.9	17.8	(36.4)
MAY	126,618	100,812	125,858	252,475	760	(1.2)	(4.8)	6.6	2.6	(92.4)
JUN	121,550	95,108	113,145	234,695	8,404	(3.6)	(5.4)	1.3	(1.3)	(41.4)
JUL	140,063	103,049	125,458	265,520	14,605	6.5	(2.3)	0.6	3.6	115.2
AUG	131,598	103,647	115,472	247,070	16,126	1.9	(2.5)	(5.9)	(1.9)	153.8

Jadual II: Eksport Mengikut Negara Destinasi

Bil.	Negara	Nilai RM juta (FOB)			Sumbangan (%)	Perubahan Tahunan		Nilai RM juta (FOB)		
		Aug 2024	Jul 2025	Aug 2025		Nilai RM juta (FOB)	%	Jan-Aug 2024	Jan-Aug 2025	Sumbangan (%)
	Jumlah Eksport	129,094	140,063	131,598	100.0	2,503.8	1.9	992,729	1,031,687	100.0
1	Singapore	18,874	25,740	19,384	14.7	509.8	2.7	153,214	163,662	15.9
2	United States	19,644	18,466	16,367	12.4	(3,276.5)	(16.7)	124,603	146,423	14.2
3	China	15,617	15,696	17,236	13.1	1,619.1	10.4	121,085	119,735	11.6
4	EU	10,391	10,865	11,401	8.7	1,010.4	9.7	76,798	81,239	7.9
5	Hong Kong	7,027	6,418	6,643	5.0	(383.6)	(5.5)	55,085	58,633	5.7
6	Taiwan, Province Of China	5,336	7,824	7,080	5.4	1,744.4	32.7	41,535	54,187	5.3
7	Japan	6,956	6,865	5,884	4.5	(1,071.4)	(15.4)	56,539	51,023	4.9
8	Thailand	4,533	5,798	5,473	4.2	940.2	20.7	39,462	42,520	4.1
9	Viet Nam	3,837	4,704	5,039	3.8	1,202.1	31.3	38,429	35,025	3.4
10	Korea, Republic Of	4,484	5,117	4,732	3.6	248.5	5.5	36,117	34,240	3.3
11	India	4,008	4,623	4,518	3.4	510.0	12.7	34,869	33,748	3.3
12	Indonesia	5,521	4,025	4,241	3.2	(1,280.6)	(23.2)	36,754	33,010	3.2
13	Australia	4,744	3,928	4,820	3.7	76.1	1.6	33,150	32,232	3.1
14	Mexico	1,455	3,157	3,110	2.4	1,654.3	113.7	13,500	19,650	1.9
15	Philippines	2,458	2,234	2,055	1.6	(402.6)	(16.4)	19,206	17,567	1.7
16	Turkiye	1,559	1,690	1,530	1.2	(29.1)	(1.9)	13,762	13,292	1.3
17	United Arab Emirates	1,124	1,547	1,288	1.0	163.4	14.5	9,825	10,645	1.0
18	Bangladesh	783	673	807	0.6	23.5	3.0	8,196	7,042	0.7
19	United Kingdom	805	770	739	0.6	(65.8)	(8.2)	5,751	5,662	0.5
20	Canada	783	729	516	0.4	(266.8)	(34.1)	4,574	4,555	0.4
21	Kenya	562	415	432	0.3	(130.0)	(23.1)	2,991	3,670	0.4
22	New Zealand	421	498	406	0.3	(15.4)	(3.7)	3,926	3,592	0.3
23	Saudi Arabia	725	422	370	0.3	(355.0)	(48.9)	5,580	3,583	0.3
24	Pakistan	434	387	721	0.5	286.8	66.0	3,686	3,547	0.3
25	Brunei Darussalam	445	257	516	0.4	70.2	15.8	4,362	2,957	0.3
26	Cambodia	178	502	428	0.3	250.0	140.3	2,139	2,668	0.3
27	Sri Lanka	518	345	246	0.2	(271.9)	(52.5)	2,142	2,661	0.3
28	Switzerland	200	286	268	0.2	68.0	33.9	1,696	2,639	0.3
29	Brazil	301	417	306	0.2	4.8	1.6	2,746	2,494	0.2
30	South Africa	354	316	255	0.2	(99.3)	(28.0)	2,721	2,123	0.2
	30 Negara Utama	124,077	134,713	126,810	96.4	2,733.4	2.2	954,443	994,025	96.3
	Lain-lain Negara	5,017	5,349	4,787	3.6	(229.6)	(4.6)	38,286	37,662	3.7

Jadual III: Import Mengikut Negara Asal

Bil	Negara	Nilai RM juta (CIF)			Sumbangan (%)	Perubahan Tahunan		Nilai RM juta (CIF)		
		Aug 2024	Jul 2025	Aug 2025		Nilai RM juta (CIF)	%	Jan-Aug 2024	Jan-Aug 2025	Sumbangan (%)
	Jumlah Import	122,740	125,458	115,472	100.0	(7,267.6)	(5.9)	912,565	945,617	100.0
1	China	26,435	28,633	27,501	23.8	1,066.0	4.0	196,797	218,157	23.1
2	Singapore	13,116	14,747	11,932	10.3	(1,184.7)	(9.0)	111,593	102,834	10.9
3	Taiwan, Province Of China	10,081	15,241	12,813	11.1	2,732.3	27.1	72,174	98,388	10.4
4	United States	15,442	10,870	9,772	8.5	(5,669.7)	(36.7)	83,025	95,670	10.1
5	EU	8,960	8,525	8,672	7.5	(288.3)	(3.2)	68,474	64,358	6.8
6	Japan	6,254	5,883	5,386	4.7	(868.1)	(13.9)	48,488	43,399	4.6
7	Korea, Republic Of	4,881	5,679	5,960	5.2	1,079.0	22.1	36,902	41,633	4.4
8	Indonesia	5,360	4,721	5,382	4.7	21.6	0.4	39,704	41,050	4.3
9	Thailand	5,100	4,908	4,956	4.3	(143.5)	(2.8)	37,484	35,000	3.7
10	Viet Nam	2,650	3,377	2,831	2.5	181.2	6.8	19,827	22,093	2.3
11	Saudi Arabia	3,279	2,414	1,919	1.7	(1,360.5)	(41.5)	24,510	20,641	2.2
12	Australia	2,964	2,549	1,719	1.5	(1,245.6)	(42.0)	23,606	19,269	2.0
13	India	2,000	1,841	1,948	1.7	(52.1)	(2.6)	21,101	17,996	1.9
14	United Arab Emirates	1,683	2,362	1,452	1.3	(231.0)	(13.7)	19,898	15,733	1.7
15	Hong Kong	1,408	1,915	1,650	1.4	241.8	17.2	11,111	12,373	1.3
16	Brazil	1,574	968	1,474	1.3	(100.0)	(6.4)	10,702	8,692	0.9
17	Philippines	1,031	698	689	0.6	(342.8)	(33.2)	6,696	6,130	0.6
18	Switzerland	741	662	592	0.5	(148.8)	(20.1)	6,428	5,956	0.6
19	Argentina	761	607	426	0.4	(334.9)	(44.0)	5,231	4,910	0.5
20	Mexico	259	787	363	0.3	104.1	40.2	2,171	4,677	0.5
21	United Kingdom	758	602	541	0.5	(217.4)	(28.7)	5,467	4,657	0.5
22	Cote D'Ivoire	547	103	266	0.2	(281.0)	(51.3)	3,523	4,420	0.5
23	Canada	455	651	478	0.4	23.1	5.1	3,487	4,279	0.5
24	Russian Federation	341	395	771	0.7	429.5	125.8	6,087	3,898	0.4
25	Ecuador	334	187	316	0.3	(17.6)	(5.3)	1,792	3,762	0.4
26	New Zealand	365	342	351	0.3	(14.1)	(3.9)	3,126	2,901	0.3
27	Oman	310	904	559	0.5	248.4	80.0	2,132	2,723	0.3
28	Sudan	0	735	220	0.2	219.7	1,024,530.5	1,030	2,693	0.3
29	Kuwait	189	393	498	0.4	308.9	163.6	1,245	2,470	0.3
30	Turkiye	263	220	230	0.2	(33.0)	(12.6)	2,382	2,380	0.3
	30 Negara Utama	117,542	121,918	111,665	96.7	(5,877.3)	(5.0)	876,193	913,145	96.6
	Lain-lain Negara	5,198	3,540	3,807	3.3	(1,390.3)	(26.7)	36,372	32,473	3.4

Jadual IV: Eksport Mengikut Sektor dan Subsektor

Sektor dan Subsektor	Nilai RM juta (FOB)			Sumbangan (%)	Perubahan Tahunan		Nilai RM juta (FOB)		
	Aug 2024	Jul 2025	Aug 2025		Nilai RM juta (FOB)	%	Jan-Aug 2024	Jan-Aug 2025	Sumbangan (%)
Jumlah Eksport	129,094	140,063	131,598	100.0	2,503.8	1.9	992,729	1,031,687	100.0
Pembuatan	111,956	121,854	113,856	86.5	1,900.2	1.7	848,127	892,269	86.5
Barangan Elektrik & Elektronik	50,439	63,350	55,509	48.8	5,069.7	10.1	384,142	446,931	50.1
Keluaran Petroleum	11,038	8,124	9,097	8.0	(1,940.7)	(17.6)	90,938	68,697	7.7
Jentera, Kelengkapan dan Peralatan	6,026	6,820	6,897	6.1	871.7	14.5	45,139	51,778	5.8
Kimia dan Bahan Kimia	6,681	5,602	5,631	4.9	(1,050.0)	(15.7)	49,088	43,782	4.9
Barangan Perkilangan Logam	5,238	5,706	4,938	4.3	(299.7)	(5.7)	41,582	41,461	4.6
Barangan Optik dan Saintifik	5,307	5,608	6,085	5.3	778.7	14.7	39,525	40,958	4.6
Barangan Perkilangan Berasaskan Minyak Sawit	3,171	3,693	3,422	3.0	250.7	7.9	23,236	26,568	3.0
Barangan Makanan Diproses	3,275	3,542	3,312	2.9	37.0	1.1	22,719	25,768	2.9
Barangan Besi dan Keluli	2,535	2,553	2,266	2.0	(269.1)	(10.6)	23,445	18,038	2.0
Keluaran Getah	2,542	2,251	2,071	1.8	(471.2)	(18.5)	17,134	16,463	1.8
Kelengkapan Pengangkutan	1,630	1,732	1,660	1.5	29.8	1.8	12,485	12,628	1.4
Barangan Perkilangan Plastik	1,519	1,601	1,485	1.3	(33.8)	(2.2)	11,587	11,484	1.3
Tekstil, Pakaian dan Kasut	1,585	1,491	1,468	1.3	(116.2)	(7.3)	11,785	10,949	1.2
Barangan Kayu	1,425	1,379	1,233	1.1	(192.2)	(13.5)	10,257	9,816	1.1
Barangan Galian Bukan Logam	1,110	1,282	1,216	1.1	106.1	9.6	8,402	9,294	1.0
Barangan Kertas Dan Palpa	1,103	1,150	1,094	1.0	(9.2)	(0.8)	9,450	8,609	1.0
Barang Kemasan	763	894	852	0.7	88.5	11.6	5,998	6,852	0.8
Barangan Minuman Dan Tembakau	260	218	246	0.2	(14.0)	(5.4)	2,009	1,890	0.2
Barangan Perkilangan Lain	6,311	4,858	5,375	4.7	(935.7)	(14.8)	39,205	40,303	4.5
Pertanian	9,134	9,073	9,542	7.3	408.8	4.5	66,976	71,806	7.0
Minyak Sawit dan Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	6,672	6,726	7,322	76.7	650.0	9.7	49,547	53,456	74.4
Getah Asli	458	294	305	3.2	(152.6)	(33.3)	3,036	2,867	4.0
Minyak Sayuran Lain	303	372	339	3.6	36.1	11.9	2,447	2,694	3.8
Kayu Gergaji dan Kumai	261	312	282	3.0	20.6	7.9	2,069	2,021	2.8
Makanan Laut Segar, Disejuk atau Beku	200	204	204	2.1	3.6	1.8	1,565	1,686	2.3
Kayu Balak	36	31	57	0.6	20.8	57.7	335	296	0.4
Keluaran Pertanian Lain	1,203	1,135	1,033	10.8	(169.7)	(14.1)	7,977	8,786	12.2
Perlombongan	7,287	8,051	7,115	5.4	(172.2)	(2.4)	71,034	59,220	5.7
Gas Asli Cecair (LNG)	4,165	4,424	4,057	57.0	(108.2)	(2.6)	40,949	34,338	58.0
Petroleum Mentah	1,722	1,906	1,226	17.2	(496.4)	(28.8)	19,168	13,117	22.2
Bijih Logam & Serpihan Logam	861	1,261	1,269	17.8	407.8	47.4	6,410	6,605	11.2
Petroleum Kondensat & Minyak Petroleum Lain	106	124	301	4.2	195.3	184.9	1,592	2,844	4.8
Timah	285	200	129	1.8	(156.2)	(54.9)	1,714	1,391	2.3
Baja Mentah & Galian Mentah	135	135	133	1.9	(1.3)	(1.0)	1,104	920	1.6
Hasil Galian Lain	14	1	0	0.0	(13.2)	(96.9)	97	6	0.0
Lain-Lain	717	1,085	1,084	0.8	367.0	51.2	6,592	8,392	0.8

Jadual V: Import Mengikut Sektor dan Subsektor

Sektor dan Subsektor	Nilai RM Juta (CIF)			Sumbangan (%)	Perubahan Tahunan		Nilai RM Juta (CIF)		
	Aug 2024	Jul 2025	Aug 2025		Nilai RM juta (CIF)	%	Jan-Aug 2024	Jan-Aug 2025	Sumbangan (%)
Jumlah Import	122,740	125,458	115,472	100.0	(7,267.6)	(5.9)	912,565	945,617	100.0
Pembuatan	103,283	107,906	100,191	86.8	(3,092.7)	(3.0)	763,075	802,499	84.9
Barangan Elektrik & Elektronik	43,381	48,538	42,876	42.8	(505.0)	(1.2)	291,802	360,726	45.0
Jentera, Kelengkapan dan Peralatan	9,779	10,860	10,068	10.0	289.6	3.0	74,817	79,583	9.9
Keluaran Petroleum	9,067	8,884	8,276	8.3	(790.6)	(8.7)	90,859	64,824	8.1
Kimia dan Bahan Kimia	9,862	7,962	8,252	8.2	(1,609.6)	(16.3)	71,462	64,037	8.0
Barangan Perkilangan Logam	6,259	5,802	5,622	5.6	(637.2)	(10.2)	48,668	42,844	5.3
Kelengkapan Pengangkutan	4,557	4,918	5,697	5.7	1,139.7	25.0	34,261	39,022	4.9
Barangan Optik dan Saintifik	2,723	3,521	3,129	3.1	406.1	14.9	21,438	22,782	2.8
Barangan Makanan Diproses	2,874	2,593	2,531	2.5	(342.6)	(11.9)	21,046	20,013	2.5
Barangan Besi dan Keluli	2,842	2,489	2,308	2.3	(533.9)	(18.8)	22,634	18,927	2.4
Tekstil, Pakaian dan Kasut	1,893	1,837	1,753	1.7	(140.2)	(7.4)	14,285	14,109	1.8
Barangan Perkilangan Plastik	1,414	1,470	1,436	1.4	22.4	1.6	10,916	11,038	1.4
Barangan Perkilangan Berasaskan Minyak Sawit	1,080	1,188	1,207	1.2	126.9	11.8	7,109	8,798	1.1
Barangan Kertas Dan Palpa	1,467	1,175	1,086	1.1	(381.3)	(26.0)	9,610	8,771	1.1
Barang Kemasan	787	1,011	878	0.9	91.4	11.6	5,903	7,815	1.0
Keluaran Getah	1,174	1,024	898	0.9	(276.5)	(23.6)	7,696	7,279	0.9
Barangan Galian Bukan Logam	711	733	702	0.7	(9.6)	(1.4)	6,278	5,537	0.7
Barangan Kayu	548	585	578	0.6	29.8	5.4	3,941	4,187	0.5
Barangan Minuman Dan Tembakau	394	308	250	0.2	(143.8)	(36.5)	2,442	2,099	0.3
Barangan Perkilangan Lain	2,471	3,006	2,643	2.6	171.9	7.0	17,906	20,108	2.5
Pertanian	7,631	6,258	6,079	5.3	(1,551.7)	(20.3)	52,061	57,137	6.0
Minyak Sawit dan Keluaran Pertanian Berasaskan	289	683	572	9.4	283.5	98.1	2,594	5,060	8.9
Getah Asli	574	416	458	7.5	(116.1)	(20.2)	4,774	4,849	8.5
Minyak Sayuran Lain	469	348	383	6.3	(86.2)	(18.4)	3,021	3,533	6.2
Makanan Laut Segar, Disejuk atau Beku	367	365	379	6.2	11.2	3.0	2,921	3,182	5.6
Kayu Gergaji dan Kumai	94	74	90	1.5	(4.1)	(4.3)	646	612	1.1
Kayu Balak	5	4	4	0.1	(1.8)	(33.1)	32	66	0.1
Keluaran Pertanian Lain	5,832	4,367	4,194	69.0	(1,638.1)	(28.1)	38,074	39,835	69.7
Perlombongan	9,772	9,215	7,399	6.4	(2,373.7)	(24.3)	80,576	67,856	7.2
Petroleum Mentah	4,391	5,623	3,589	48.5	(802.3)	(18.3)	43,202	35,488	52.3
Bijih Logam & Serpihan Logam	1,950	1,877	2,177	29.4	226.8	11.6	11,983	14,093	20.8
Gas Asli Cecair (LNG)	964	509	156	2.1	(807.2)	(83.8)	6,859	4,044	6.0
Baja Mentah & Galian Mentah	302	208	217	2.9	(84.7)	(28.1)	2,028	1,832	2.7
Timah	58	38	84	1.1	26.4	45.5	364	417	0.6
Petroleum Kondensat & Minyak Petroleum Lain	62	-	0	0.0	(61.5)	(99.8)	356	273	0.4
Hasil Galian Lain	2,046	961	1,175	15.9	(871.2)	(42.6)	15,784	11,709	17.3
Lain-lain	2,054	2,079	1,804	1.6	(249.5)	(12.1)	16,854	18,125	1.9

Jadual VI: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC)

Kategori BEC	Nilai RM juta (CIF)			Sumbangan (%)	Perubahan Tahunan		Nilai RM juta (CIF)		
	Aug 2024	Jul 2025	Aug 2025		Nilai RM juta (CIF)	%	Jan-Aug 2024	Jan-Aug 2025	Sumbangan (%)
Import Kasar	122,740	125,458	115,472	100.0	(7,267.6)	(5.9)	912,565	945,617	100
Barangan Modal	14,167	18,157	15,723	13.6	1,555.4	11.0	106,224	141,276	14.9
Barangan Modal (Kecuali Alat Kelengkapan Pengangkutan)	13,342	17,061	13,784	11.1	3,903.5	42.5	100,934	131,266	11.2
Alat Kelengkapan Pengangkutan Perindustrian	826	1,096	1,939	0.7	103.0	14.6	5,291	10,010	0.5
Barangan Penggunaan	10,335	10,433	9,415	8.2	(920.4)	(8.9)	78,646	77,912	8.2
Barangan Tahan Lama	1,630	1,693	1,462	1.3	(168.7)	(10.3)	11,726	12,704	1.3
Makanan dan Minuman, Utama, Khusus Untuk Penggunaan Isirumah	1,307	1,199	1,206	1.0	(101.2)	(7.7)	10,422	9,908	1.2
Makanan dan Minuman, Diproses, Khusus Untuk Penggunaan Isirumah	3,415	3,364	3,020	2.6	(395.3)	(11.6)	26,214	25,138	2.9
Barangan Tidak Tahan Lama	2,159	2,155	1,874	1.6	(284.4)	(13.2)	16,321	15,869	1.7
Barangan Separa Tahan Lama	1,668	1,811	1,682	1.5	13.7	0.8	12,837	13,007	1.4
Alat Kelengkapan Pengangkutan Bukan Perindustrian	156	210	171	0.1	15.5	9.9	1,127	1,285	0.1
Barangan Dua Guna	2,783	2,383	1,551	1.3	(1,232.3)	(44.3)	30,271	18,258	1.9
Bahan Api & Pelincir, Diproses, Minyak Kenderaan	1,972	1,543	663	0.6	(1,308.9)	(66.4)	23,406	11,195	1.2
Alat Kelengkapan Pengangkutan Motokar Penumpang	812	840	888	0.8	76.5	9.4	6,866	7,063	0.7
Barangan T.S.T.L	289	635	586	0.5	297.4	103.0	2,425	4,299	0.5
Barangan Perantaraan	72,370	56,836	60,247	52.2	(12,123.5)	(16.8)	503,575	479,102	50.7
Makanan & Minuman, Utama, Khusus untuk Industri	2,573	1,383	1,537	1.3	(1,035.5)	(40.3)	12,671	16,038	1.7
Makanan & Minuman, Diproses, Khusus untuk Industri	1,222	932	1,060	0.9	(162.0)	(13.3)	9,219	9,267	1.0
Bahan Api & Pelincir, Utama	5,948	6,015	4,373	3.8	(1,574.8)	(26.5)	54,403	44,364	4.7
Bahan Api & Pelincir, Diproses, Lain-lain	2,202	2,399	1,756	1.5	(446.8)	(20.3)	26,184	18,583	2.0
Bekalan Perindustrian, T.S.T.L, Utama	4,044	3,298	3,289	2.8	(755.6)	(18.7)	26,980	27,655	2.9
Bekalan Perindustrian, T.S.T.L, Diproses	24,238	20,522	20,224	17.5	(4,013.9)	(16.6)	182,889	162,453	17.2
Alat Ganti dan Aksesori Barangan Modal (Kecuali Alat Kelengkapan Pengangkutan)	27,356	17,088	23,224	20.1	(4,132.2)	(15.1)	158,066	164,746	17.4
Alat Ganti dan Aksesori untuk Kelengkapan Pengangkutan	4,787	5,199	4,785	4.1	(2.6)	(0.1)	33,162	35,996	3.8
Transaksi Bawah RM5,000	-	-	-	-	-	#DIV/0!	-	-	-
Import Tertangguh	99,945	88,444	87,522	75.8	(12,423.4)	(12.4)	721,142	720,847	76.2
Eksport Semula	22,795	37,013	27,951	24.2	5,155.8	22.6	191,424	224,770	23.8